

Pas sokong pelajar daftar dengan Wisma Putra

BH 2 MAR 2002
KOTA BHARU, Jumaat
Kerajaan Pas Kelantan menyokong dasar dan peraturan yang bakal dilaksanakan Kerajaan Pusat supaya pelajar tempatan hanya menuntut di institusi yang diiktiraf saja.

Pada masa sama, Kerajaan Negeri berpendapat

peraturan mewajibkan pelajar mendaftar dengan Wisma Putra seperti kehendak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak berbangkit, kata Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sains dan Teknologi negeri, Hassan Ahmad. Beliau berkata, ia kera-

na pelajar, termasuk yang ditaja kerajaan Kelantan di beberapa institusi pengajian di Asia Barat memang dalam pengetahuan Wisma Putra dan diiktiraf negara terbabit.

Katanya, antara institusi pengajian luar negara yang menjadi tumpuan pelajar

Kelantan ialah Mesir, Jordan, Arab Saudi, Kuwait dan Iraq.

"Saya difahamkan semua pelajar Kelantan tajaan kerajaan negeri yang menuntut di luar negara memang dalam pengetahuan Wisma Putra sejak dulu," katanya.